

YNS buat TNB putih mata Oleh Faridzwan Abdul Ghafar

2011/01/23

SELEPAS Maybank menangguhkan hasrat Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) untuk menjarakkan kedudukan di persada Liga Perdana Liga Hoki Malaysia (LHM) kelmarin, Yayasan Negeri Sembilan (YNS) pula mengikut langkah sama apabila membuat kejutan menewaskan Tenaga Nasional Berhad (TNB) 1-0 di Padang Universiti Sains Malaysia (USM), semalam.

Kekalahan mengejut TNB itu menyaksikan hasrat pasukan kendalian bekas jaguh hoki kebangsaan, Nor Saiful Zaini untuk menyamakan mata dengan KLHC berkecai selepas terpaksa akur dengan jaringan tunggal Prabjoth Singh.

Prabjoth menggegar gawang dan memberikan tiga mata berharga YNS pada minit ke-48 menerusi pukulan mudah dari lantunan bola penjaga gol TNB, S Kumar yang gagal menahan kemas pukulan pemain import YNS dari Pakistan, Shakeel Abbasi.

Bagaimanapun, kemenangan kelima YNS itu tidak mengubah kedudukan mereka di tangga keempat liga dengan 15 mata tetapi kini hanya dibezakan satu mata di belakang TNB.

Ketua Jurulatih YNS, Hasmizan Ah Sim berkata, dia berpuas hati dengan persembahan anak buahnya dan mereka menampilkan persefahaman yang baik serta permainan secara berpasukan.

“Cuaca yang kurang terik dan panas berbanding semalam (kelmarin) turut memainkan peranan dalam membantu YNS, di samping persefahaman baik antara pemain ketika menyerang hingga memaksa TNB lebih banyak bertahan,” katanya.

Nor Saiful pula meluahkan kekecewaan dengan prestasi anak buahnya yang banyak mensia-siakan peluang jaringan untuk mencipta kemenangan kali keenam daripada lapan aksi liga setakat ini.

“Pemain hari ini sering membuat kesilapan menghantar bola, tidak pandai membuat keputusan, tiada keyakinan untuk berdepan pihak lawan dan hasilnya memang mengecewakan saya,” katanya.

Dalam satu lagi aksi, Sapura mempamer kebangkitan menakjubkan pada babak kedua untuk menewaskan **UiTM** 3-2, selepas ketinggalan dua gol pada separuh masa pertama.